



**KETUA PENGARAH**  
**Unit Pemodenan Tadbiran Dan**  
**Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**  
**Jabatan Perdana Menteri**  
Aras 6, Blok B2  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**MAMPU**

Tel : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 3163  
Portal Rasmi : www.mampu.gov.my  
E-mel : kp@mampu.gov.my

Rujukan : MAMPU.BIP.600-5/1/1 JLD 8 (44)

Tarikh : 11 Disember 2013

**YBhg. Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim**

Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya  
Lebuh Wawasan  
Presint 7  
62250 PUTRAJAYA

Faks: 03-8888 0025

YBhg. Dato',

## **SEKALUNG PENGHARGAAN ATAS PERKHIDMATAN BANTUAN KECEMASAN SEMPENA MAJLIS ANUGERAH INOVASI PERDANA MENTERI 2013**

Terlebih dahulu saya mendoakan agar YBhg. Dato' dan keluarga sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, dimurahkan rezeki dan berada di bawah perlindungan Allah S.W.T. jua. Selanjutnya, saya memohon perhatian YBhg. Dato' tentang perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Dato' sedia maklum, Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2013 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah berjaya diadakan pada 13 November 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Penganjuran majlis pada kali ini merupakan hasil kerjasama antara MAMPU dengan pelbagai jabatan dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri.



**BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI**



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO SIJIL: KLR 0500331

DATO' WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM  
Ketua Pengarah, JBPM

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' dan pasukan di bawah seliaan YBhg. Dato' atas perkhidmatan bantuan kecemasan yang telah disediakan sepanjang majlis tersebut berlangsung.

4. Sesungguhnya saya yakin dan percaya bahawa kerjasama yang sedia terjalin ini dapat diteruskan pada masa akan datang demi memenuhi aspirasi Kerajaan yang mendahulukan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**“BERSAMA MELAKSANA TRANSFORMASI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK WIRA OMAR BIN KASEH)**